

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 7/9/2013

Muka surat: 4

Tajuk : Dua Kolej Kediaman Baharu UNIMAS Siap Tahun Depan.

Dua kolej kediaman baharu UNIMAS siap tahun depan

KOTA SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bakal memiliki dua unit kolej kediaman baharu menjelang tahun depan.

Naib Canselor UNIMAS Prof Datuk Dr Mohammad Kadim Suaidi berkata, dua kolej itu sedang dalam pembinaan dan dijangka siap masing-masing pada Februari dan Julai 2014.

Beliau memberitahu dengan siapnya dua kolej kediaman baharu itu, UNIMAS dapat menyediakan kemudahan asrama kepada kira-kira 14,400 pelajar.

“Kita memang menghadapi masalah kekurangan tempat kediaman untuk pelajar dan sekarang ini kita hanya mampu menampung 8,000 pelajar kerana jumlah keseluruhan pelajar kita kini sudah mencencah 16,000 orang.

“Jadi separuh daripada pelajar kita terpaksa tinggal di luar kampus. Oleh itu,

dengan siapnya dua kolej kediaman baharu ini iaitu Kolej Dahlia dan Refflesia pada tahun depan, kita dapat menempatkan kira-kira 90 peratus pelajar dalam kampus,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Ikrar Pelajar Ambilan September 2013/2014 UNIMAS di Dewan DeTAR Putra di sini, semalam.

Mengulas lanjut tentang dua kolej itu, beliau menjelaskan Kolej Dahlia yang menelan kos kira-kira RM58 juta dan dijadualkan siap pada Februari 2014, terletak di dalam kampus UNIMAS baharu.

Manakala, Kolej Refflesia pula terletak di Desa Ilmu Kota Samarahan bernilai RM50 juta yang mana kerajaan negeri turut menyumbangkan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi pembelian 19 unit rumah pangaspuri untuk dijadikan kolej kediaman.